

TARIKH : 13/4/2023
SURAT KHABAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26

26 | NEGERI JOHOR

KHAMIS 13 APRIL 2023 • SINAR HARIAN

Perkeso ceriakan 22 warga emas

Perkeso Kluang salur bantuan untuk warga emas yang sakit, mangsa banjir dan kumpulan B40

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
KLUANG

Riai wajah 22 warga emas dari Kampung Bentong di sini, jelas terpancar keceriaan selepas menerima sumbangan daripada Kelab Rekreasi dan Wellness Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kluang.

Sumbangan tersebut disalurkan kelab itu dengan kerjasama Kelab Rekreasi Anggota Perkeso Zon Selatan (Keselat) bagi membantu warga emas daripada kalangan B40 yang kurang berkecukupan, sakit dan menjadi mangsa banjir baru-baru ini.

Bantuan itu disalurkan me-

nerusi Program Ihya' Ramadan anjuran Kelab Rekreasi dan Wellness Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kluang di Masjid Jamek Kampung Bentong pada Sabtu.

Menurut Pegawai Perkeso Kluang, Mohamad Dzulridza Zolkepli merangkap Pengurus Kelab Rekreasi dan wellness Perkeso Kluang, program tersebut bermula dari jam 3 hingga 5 petang melibatkan 50 ahli daripada dua kelab berkenaan.

"Aktiviti utama program ini ialah rewang bubur lambuk dan Jelajah Qaseh Ramadan. Sebanyak 800 bungkusan bubur lambuk telah diedarkan dalam masa dua jam di sekitar bandar Kluang yang dimasak di pekarangan pejabat Perkeso Kluang.

"Jelajah Qaseh Ramadan adalah pemberian barang keperluan asas kepada 22 penduduk Kampung Bentong yang memerlukan bagi kelangsungan hidup," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Turut hadir Penolong



Jainuddin (kiri) dan Hashim (tengah) melawat serta mengagihkan sumbangan kepada penerima di Kampung Bentong, Kluang pada Sabtu.

Pengarah Perkeso Johor, Jamaluddin Muhammad; Pengurus Perkeso Kluang, Jainuddin Hamzah; Penghulu Mukim Kluang, Suhaizi Md Yassin; Pengurus Kanan Tugas-tugas Khas Karangkraf, Hashim Anang dan wakil Keselat, Mahadi Ismail.

Mohamad Dzulridza berkata,

tujuan memupuk semangat kesukarelaan dalam membantu masyarakat yang memerlukan serta mewujudkan sifat mensyukuri nikmat ALLAH SWT dalam kalangan warga kelab. Usaha itu juga katanya, diharap dapat diteruskan pada masa akan datang melibatkan lebih ramai penyertaan agar banyak bantuan dapat disalurkan kepada masyarakat memerlukan.

"Ukhuwah silaturahim antara warga kedua-dua kelab dapat dieratkan melalui aktiviti ini. Kelab juga bercadang mengadakan program seperti ini secara berkala bagi memastikan warga kedua-dua kelab lebih prihatin dan peka dengan masyarakat," katanya.